


1.1**Kerjaya Reka Bentuk Grafik**

SILA BACA NOTA DI BAWAH. KEMUDIAN JAWAB SOALAN YANG DI BERIKAN

1.1**Kerjaya Reka Bentuk Grafik****Maksud reka bentuk grafik**

Grafik ialah persembahan visual yang mengambil kira idea, konsep dan susun atur imej serta teks yang dipersembahkan dengan menarik melalui media cetak (kertas) ataupun media elektronik (skrin komputer). Grafik digunakan oleh hampir semua orang yang ingin membuat rekaan, terutamanya sebagai penyampaian maklumat secara visual (menyampaikan mesej dengan lebih jelas dan ringkas) kepada audiens.

Sebagai alat penyampaian maklumat dalam bidang komunikasi visual, reka bentuk grafik selalunya menggabungkan penggunaan teks (tipografi yang terdiri daripada huruf, nombor dan simbol), ilustrasi (lukisan dan gambar foto) dan juga warna. Reka bentuk grafik telah dikenali sebagai grafik digital apabila komputer mula diperkenalkan kepada dunia, iaitu merujuk aktiviti mereka bentuk visual dengan menggunakan perisian komputer.




Rajah 1.1 Ciri-ciri reka bentuk grafik



Contoh karya grafik, penggunaan dan sumbangannya

Jadual 1.1 Penggunaan dan sumbangan bidang reka bentuk grafik berserta contoh

Bidang reka bentuk	Penggunaan dan sumbangan	Contoh karya grafik
1 Pengiklanan	• Mempromosi jualan. • Meningkatkan keyakinan pengguna terhadap barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan. • Mengekalkan penerimaan pengguna terhadap sesuatu barangan yang terdapat dalam pasaran.	 Media cetak • Surat khabar • Majalah • Pengiklanan transit • Brosur • Poster • Risalah • Papan iklan • Sepanduk Media elektronik • Internet • Televisyen • Radio • Papar iklan digital • Sepanduk digital • Papar tanda LED

Bidang reka bentuk	Penggunaan dan sumbangan	Contoh karya grafik
2 Identiti korporat	• Membina logo dan imej yang seragam untuk sesebuah organisasi korporat, pertubuhan dan syarikat perniagaan. • Meyakinkan pengguna akan jenama dan identiti barangan atau perkhidmatan. • Meningkatkan kesetiaan pengguna terhadap sesuatu barangan. • Mempamerkan identiti sesebuah syarikat.	 • Imej atau identiti yang seragam bagi sesebuah syarikat.
3 Pembungkusan	• Memberi maklumat barangan dan perkhidmatan. • Menjamin kualiti barangan. • Melindungi barangan daripada sebarang kerosakan. • Memudahkan kerja menyimpan, menghantar dan mempamerkan barangan.	 • Bungkus daripada kertas tebal atau plastik lut sinar. • Bungkus yang mudah dibawa. • Bungkus berwarna berserta dengan nama dan maklumat barangan serta slogan yang menarik.
4 Ilustrasi	• Menerangkan atau menggambarkan maklumat. • Menambahkan tarikan untuk membaca terutama kanak-kanak. • Menjelaskan jalan cerita atau penceritaan sesebuah buku.	 • Dokumentasi dan rujukan. • Penceritaan seperti buku cerita kanak-kanak dan video.
5 Penerbitan meja	• Membantu menjelaskan sesuatu kandungan dengan menarik dan mempunyai nilai estetik melalui bahan bercetak dan elektronik. • Menggambarkan ciri-ciri korporat yang eksklusif bagi sesebuah syarikat.	 • Majalah korporat • Buku • Buletin • Risalah • Surat khabar

Bidang reka bentuk	Penggunaan dan sumbangan	Contoh karya grafik
6 Antara muka pengguna	• Menjadikan perisian dan aplikasi lebih mesra pengguna. • Memudahkan pengguna mendapatkan maklumat.	 • Aplikasi yang mudah difahami, iaitu gabungan teks dan ikon. • Penyediaan navigasi yang mudah digunakan.
7 Infografik	• Memudahkan penyampaian maklumat. • Meningkatkan kecekapan berfikir untuk membaca maklumat melalui infografik.	 • Infografik maklumat. • Infografik editorial. • Infografik data visualisasi.
8 Media baharu	• Menarik perhatian audiens dengan lebih mudah dan pantas.	 • Reka bentuk interaktif, iaitu penggunaan animasi, audio, ilustrasi dan gambar. • Grafik beranimasi.

SILA JAWAB SOALAN BERIKUT

Padankan bidang rekabentuk dengan contoh karya grafik sesuai

Contoh karya grafik	Bidang Rekabentuk
	
	
	
	
	